



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Industries

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.mafi.gov.my

SIARAN MEDIA

KONVENSYEN KEBANGSAAN KUMPULAN PENGGUNA AIR (KPA) TAHUN 2022

BUKIT KATIL, 28 September 2022 – Selari Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0), pelbagai usaha sedang giat dilaksanakan bagi menjamin kelangsungan sekuriti makanan untuk masa depan. Menyokong usaha ini, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah menganjurkan Konvensyen Kebangsaan Kumpulan Pengguna Air (KPA) Tahun 2022 pada 27 – 29 September 2022 di Bayou Lagoon Park Resort, Bukit Katil Melaka. Konvensyen ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I.

Konvensyen tahun ini yang bertemakan “**Petani-Hero Makanan Negara**” turut menampilkan seramai empat (4) pembentang kertas kerja daripada pelbagai agensi iaitu Bahagian Pengairan dan Saliran Pertanian MAFI, Pengerusi KPA Tok Kepak daripada MADA, Pengurus Bahagian Padi dan Beras (Operasi) dari FGV Integrated Farming Holdings Sdn. Bhd. dan Unit Agropreneur Muda, Bahagian Industri Makanan dan Asas Tani, MAFI. Konvensyen ini telah disertai oleh seramai 180 orang peserta yang terdiri daripada petani dan pegawai pengiring daripada IADA, MADA, KADA dan JPS Negeri.

Konvensyen ini juga bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan petani khususnya dalam bidang pengairan dan saliran pertanian, serta untuk meningkatkan kefahaman berkenaan peranan serta hala tuju Kumpulan Pengguna Air. Di samping itu juga ia menjadi platform kepada petani untuk mengutarakan pendapat dan saling berkongsi pengalaman yang mana ianya di harap dapat mendorong KPA di negara kita supaya bersaing dengan lebih kompetatif di peringkat antarabangsa dan setaraf dengan KPA di negara maju.

Sebagai dorongan dan motivasi kepada KPA untuk terus berdaya maju serta berinisiatif untuk mengembangkan potensi, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan melalui Bahagian Pengairan dan Saliran Pertanian telah membangunkan Indeks Penandaarasan Kebangsaan Kumpulan Pengguna Air atau MyKPA. Objektif pelaksanaan MyKPA adalah untuk menilai dan mengukur prestasi KPA di seluruh negara berdasarkan kriteria pemarkahan yang telah dibangunkan yang memfokuskan kepada aspek Penginstitusian, Pengurusan Air, Pengurusan Kewangan dan Model Perniagaan. Selain itu, ia juga bertujuan untuk memberi pengiktirafan secara formal kepada Kumpulan Pengguna Air (KPA) yang berpotensi tinggi.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

28 September 2022



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN
INDUSTRI MAKANAN

**BAHAGIAN PENGAIRAN DAN SALIRAN PERTANIAN
ARAS 2, GALERIA PUTRAJAYA, NO. 29, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, 62570 PUTRAJAYA.
TEL: 03-8894 3000 FAKS: 03-8894 3150 / 3151**

FACTSHEET

KONVENSYEN KEBANGSAAN KUMPULAN PENGGUNA AIR (KPA) 2022

1. LATAR BELAKANG

Konvensyen Kebangsaan Kumpulan Pengguna Air (KPA) 2022 merupakan acara tahunan, dianjurkan bersama oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI). Konvensyen ini bertujuan untuk menyediakan saluran bagi pertukaran idea-idea dari pakar-pakar pebagai bidang serta petani yang berpengalaman bagi memperkukuhkan keberkesanan peranan KPA menyelaras segala aktiviti pengurusan air.

2. TEMA KONVENSYEN

Tema “**Petani Hero Makanan Negara**”, menggambarkan kepentingan peranan petani dalam memastikan dasar jaminan keselamatan makanan negara yang diperjuangkan oleh Kementerian ini terlaksana. Tema ini juga saling berkait rapat di antara tanggungjawab Kementerian dan petani kearah merealisasikan dasar tersebut.

3. DEFINISI DAN PERANAN KPA

Kumpulan Pengguna Air (KPA) di dalam sebuah skim pengairan padi merupakan sebuah organisasi formal yang ditubuhkan oleh pengurus skim pengairan dengan kerjasama para petani dan keahliannya terdiri daripada para petani yang mengusahakan tanaman di dalam satu kawasan sub-sistem pengairan yang mengawal bekalan air dan saliran bagi kawasan yang diusahakan. KPA berperanan dan berfungsi sebagai:

- Pengurus sistem dan petani bersama - sama melaksanakan amalan pengurusan air terbaik, menepati jadual yang ditetapkan bersama dan menggunakan air dengan bijak untuk meningkatkan hasil.
- Berusaha memastikan air dilepaskan daripada sawah dalam kualiti yang baik.
- Bersama-sama pengurus sistem memastikan kemudahan pengairan sentiasa berada di dalam keadaan baik, memantau dan melindungi harta dan kemudahan daripada rosak atau dirosakkan (*vandalism*).

- Mendorong ahli-ahli bersama-sama memajukan KPA ke tahap yang tinggi, berkemampuan untuk bertani secara komersil dan mampu menjana pendapatan tinggi serta memberi peluang pekerjaan di Kawasan KPA.

4. OBJEKTIF KPA

Penubuhan KPA adalah mengurus sumber air dan kemudahan sistem pengairan dan juga saluran di skim – skim pengairan secara sistematik dan bersepadu melalui organisasi yang formal. Selain itu, ini merupakan platform bagi menjana pendapatan tinggi dan meningkatkan peluang pekerjaan bernilai tinggi sejajar dengan Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0)

5. MAKLUMAT UMUM KONVENSYEN

- Tarikh Konvensyen : 27 - 29 September 2022
- Bilangan Peserta : 180 orang
- Latar Belakang Peserta : Petani, Pegawai MAFI dari IADA, KADA, MADA dan JPS Negeri
- Bilangan Pembentangan : 4 Sesi Perkongsian Ilmu
- Bilangan Pempamer : 13 *booths*
- Perasmian oleh : Yang Berhormat Datuk Seri Haji Ahmad Bin Hamzah, Timbalan Menteri I, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

6. HASRAT KERAJAAN

- KPA sebagai agen yang berperanan dalam mengambil tindakan segera ke atas setiap masalah oleh petani dalam setiap skim pengairan.
- Menanam perasaan hak milik bersama dikalangan petani / KPA terhadap infra yang dibina oleh kerajaan.
- Apabila kerajaan melihat sesuatu KPA itu sudah teguh dan mampu berdikari, tanggungjawab operasi dan penyelenggaraan boleh dipindah secara berperingkat kepada KPA / petani diperingkat tali air

7. HALATUJU KEMENTERIAN

Pelaksanaan Indeks Penandaarasan Kebangsaan untuk Kumpulan Pengguna Air (My KPA) bertujuan untuk menilai dan mengukur prestasi KPA di seluruh negara berdasarkan kriteria pemarkahan yang telah dibangunkan yang memfokuskan kepada aspek Penginstitusian, Pengurusan Air, Pengurusan Kewangan dan Model Perniagaan. Pelaksanaan program MyKPA akan memberi pengiktirafan secara formal kepada Kumpulan Pengguna Air yang berpotensi tinggi.

8. KESIMPULAN

Konvensyen Kebangsaan Kumpulan Pengguna Air (KPA) 2022 ini relevan untuk sektor agromakanan negara selaras dengan perancangan dan hala tuju Kementerian dalam menjadi sektor agromakanan sebagai sumber kekayaan baru. Selain itu, ianya juga telah menyediakan platform kepada para petani bagi berkongsi ilmu dan idea yang dapat menyumbang kepada peningkatan hasil pengeluaran pertanian dan seterusnya menjamin keselamatan makanan negara.

Untuk sebarang pertanyaan sila berhubung:

Seksyen Korporat dan Dasar, Bahagian Pengairan dan Saliran Pertanian: **03-8894 3000/3028**